

EPS 211
MASYARAKAT DAN PERUBAHAN

KAJIAN ASPEK BAHASA
PUISI TRADISIONAL NEGERI SEMBILAN ;
PERBILANGAN ADAT

DISEDIAKAN OLEH :
NORAZAH BINTI OMAR 37890

BAB IV

KESIMPULAN

PENDAHULUAN

Bahasa merupakan komponen utama dalam penciptaan perbilangan adat disamping maksud atau tujuan yang ingin disampaikan. Justeru penggunaan bahasalah yang menentukan sesebuah perbilangan adat itu menarik dan bermutu.

Kajian ini berusaha membicara puisi perbilangan adat dari sudut bahasanya. Jadi titik tolak perbincangan ini ialah bahasa bukan puisi. Kajian ini dilakukan menggunakan tinjauan linguistik.

Aspek bahasa yang diberi tumpuan dalam kajian ini ialah aspek golongan kata dan pembentukan kata dalam perbilangan adat Melayu Negeri Sembilan.

Kajian dan analisis dibuat berdasarkan kepada buku pegangan; Tatabahasa Dewan Jilid 2: Perkataan susunan Nik Safiah Karim dan rakan-rakan (1989). Manakala teks kajian yang digunakan ialah Perkahwinan Adat Di Negeri Sembilan ditulis oleh Norhalim Haji Ibrahim (1996).

KESIMPULAN

Melalui kajian ini, didapati pembentukan kata dalam perbilangan adat Melayu Negeri Sembilan terhasil melalui tiga proses iaitu pengimbuhan, penggandaan dan pemajmukan.

Melalui proses *pengimbuhan* terbentuklah *kata terbitan*. Manakala *kata ganda* terhasil dari proses *pergandaan*. Ketiga-tiga jenis kata ini wujud dalam perbilangan adat Melayu di samping *kata tunggal* iaitu yang tidak mengalami proses morfologi.

Kata-kata baru yang terbentuk hasil daripada proses morfologi ini mendukung makna dan konsep yang berbeza daripada kata asalnya. Berdasarkan makna inilah golongan kata dalam

perbilangan adat Melayu dapat diklafikasikan, disamping mengambil kira juga kriteria sintaksis.

Golongan kata dalam perbilangan adat Melayu dapat digolongkan kepada empat golongan utama iaitu kata nama, kata kerja, kata adjektif, kata ganti nama dan kata sendi nama. Hasil kajian menunjukkan keempat-empat golongan kata ini hadir dalam pantun Melayu. Namun jumlah kehadiran tiap golongan kata ini tidak seimbang.